



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2006/2007

NAMA MATA PELAJARAN : PEDAGOGI DALAM PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL

KOD MATA PELAJARAN : MBE 1032

KURSUS : SARJANA PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN :

1. JAWAB LIMA SOALAN SAHAJA DARIPADA ENAM SOALAN YANG DIBERI
DALAM BUKU JAWAPAN YANG DISEDIAKAN.
2. BUKU JAWAPAN HENDAKLAH DIKAT BERSAMA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA MUKA SURAT

- S1 Pedagogi adalah satu cabang ilmu pendidikan mengenai belajar untuk mengajar.
- (a) Terangkan pengertian
- i) Pengajaran.
 - ii) Pembelajaran. (10 markah)
- (b) Terangkan maksud dari kenyataan
- i) Pengajaran itu saintifik.
 - ii) Pengajaran itu seni. (10 markah)
- S2 Anda adalah seorang pensyarah baru yang ditempatkan di politeknik. Anda telah ditugaskan untuk mengajar satu mata pelajaran dalam bidang anda. Anda juga diberi jadual waktu pengajaran yang melibatkan pengajaran bilik darjah, makmal dan bengkel.
- (a) Senaraikan lima langkah utama yang perlu anda buat mulai hari anda menerima jadual waktu itu untuk menjamin pengajaran anda lancar? (5 markah)
- (b) Sediakan justifikasi bagi setiap langkah di S2(a). (15 markah)
- S3 Berbagai pendekatan boleh digunakan dalam pengajaran sesuai dengan kandungan isi pelajaran, latar belakang pelajar dan persekitaran.
- (a) Terangkan maksud
- i) Pendekatan Berpusatkan Guru.
 - ii) Pendekatan Berpusatkan Pelajar.
 - iii) Pendekatan Berpusatkan Bahan. (9 markah)
- (b) Bincangkan pendekatan yang sesuai digunakan dalam pengajaran di bengkel kejuruteraan. (11 markah)

S4 Antara konsep pengajaran yang diguna pakai dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional adalah

- (a) *Problem Base Learning,*
- (b) *On Job Training,*
- (c) *Life-long Learning dan*
- (d) *Dual System Learning and Training.*

Terangkan pelaksanaan setiap konsep di atas.

(20 markah)

S5 Model ASSURE adalah salah satu model pengajaran yang menekankan penggunaan perancangan sebelum sesuatu pengajaran dijalankan. Terangkan 5 komponen daripada 6 komponen dalam model ASSURE.

(20 markah)

S6 Penilaian adalah salah satu aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

- (a) Terangkan maksud
 - i) Penilaian Formatif
 - ii) Penilaian Sumatif

(10 markah)

- (b) Bagaimanakah penilaian formatif dan penilaian sumatif dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

(10 markah)